

UM 2 OCT 2002

# PBS akan sokong calon pilihan PM

KOTA KINABALU 1 Okt. — Parti Bersatu Sabah (PBS) akan memberi sokongan tidak berbelah bagi kepada siapa sahaja calon Barisan Nasional (BN) yang dipilih oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada pilihan raya kecil Parlimen Gaya, 12 Oktober ini.

Presidennya, Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan berkata, penjelasan PBS itu adalah untuk menghapuskan segala spekulasi pada masa ini yang mengatakan partinya akan menjadi calon BN untuk Parlimen Gaya.

“Saya mengambil peluang untuk menjelaskan pendirian PBS mengenai perkara ini yang kami tetap menyokong tanpa berbelah bagi kepada calon BN yang dipilih oleh Perdana Menteri,” katanya dalam kenyataan akhbar di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas spekulasi orang ramai dan akhbar-akhbar tempatan yang menyebut beberapa nama daripada parti PBS akan diletakkan sebagai calon pilihan raya Parlimen Gaya.

Katanya lagi, beliau beranggapan semua spekulasi itu termasuk daripada orang ramai adalah perkara biasa menjelang pilihan raya.

Beliau seterusnya menyeru semua ahli dan penyokong PBS supaya keluar menyokong dengan sepenuh hati dan mengundi tanpa sebarang was-was kepada calon BN pada pilihan raya itu nanti.